

# **KENYATAAN AKHBAR**

*Untuk Siaran Segera*

## **CIDB LANCAR CIMS KEARAH TRANSFORMASI ePERKHIDMATAN YANG CEPAT, CEKAP DAN TELUS**

**KUALA LUMPUR, 4 Julai 2017:** Dalam usaha untuk mentransformasikan perkhidmatan dalam taliannya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini melancarkan Sistem Pengurusan Maklumat Setempat (Centralised Information Management System - CIMS).

Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata CIMS diperkenalkan bagi memudahkan urusan perkhidmatan dan transaksi CIDB dengan pelanggan melalui satu saluran online.

“Melalui CIMS, proses permohonan dan kelulusan dilaksanakan sepenuhnya secara online. Pelanggan tidak perlu lagi ke kaunter CIDB untuk menghantar dokumen sokongan atau mengambil sijil dan kad pendaftaran, malah melalui sistem ini tempoh proses kelulusan juga dapat di pendekkan,” katanya.

Penggunaan CIMS dijangka akan menjimatkan masa dan kos perjalanan bagi pelanggan kerana mereka boleh berurusan terus secara online tanpa perlu datang sendiri ke mana-mana pejabat CIDB.

Secara ringkasnya, CIMS mengintegrasikan pengkalan data serta semua proses transaksi perkhidmatan di CIDB. Bagi memudahkan perkongsian data dan proses membuat keputusan, sistem tersebut diintegrasikan dengan sistem di agensi-agensi berkaitan bagi mendapat

pengesahan nombor-nombor sijil dan dokumen yang diserahkan semasa permohonan. Ini juga dapat mengelakkan penipuan dengan penyerahan maklumat palsu.

Melalui CIMS, semua urusan perkhidmatan kepada pelanggan adalah secara online, iaitu permohonan, pertanyaan, pembayaran serta akses kepada maklumat. Surat dan Sijil berbentuk e-dokumen dijana oleh CIMS dan dihantar kepada pengguna melalui email. Sistem tersebut juga akan memberi peringatan kepada pelanggan untuk memperbaharui sijil atau lesen yang akan luput.

Pada masa ini, CIDB menerima 550 permohonan pendaftaran dan pembaharuan lesen kontraktor sehari dan 10,000 sebulan di 14 pejabat negeri CIDB dan empat pejabat cawangan. Sehingga kini terdapat lebih daripada 80,000 kontraktor yang berdaftar dengan CIDB.

CIDB juga menerima lebih dari 1300 permohonan pendaftaran dan pembaharuan kad personnel binaan atau kad hijau sehari dan 40,800 sebulan. Sehingga kini jumlah personnel binaan yang masih aktif pendaftarannya dengan CIDB adalah lebih 850,000.

Perkhidmatan yang boleh dicapai melalui CIMS termasuk:

**i. Kontraktor:**

- Pendaftaran dan pembaharuan
- Pengistiharan Projek Binaan
- Pengurusan Levi
- Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor SCORE

**ii. Personnel Binaan:**

- Pendaftaran
- Akreditasi

**iii. Latihan:**

- Pendaftaran kursus integriti dan kod etika
- Pendaftaran kursus pengurusan bisnes
- Pembangunan Kompetensi Personel Binaan
- Pembangunan Kompetensi Seliaan & Pengurusan

**iv. Pembayaran:**

- Kaunter Pejabat CIDB Negeri dan Cawangan
- Perbankan Internet

CIMS boleh dicapai melalui [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my), dan klik di tab “ePerkhidmatan”.

---

***Mengenai CIDB***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

CIDB Careline di talian 1-300-88-CIDB (2432)

Atau log in ke eBantuan (logo eBantuan) di [ebantuan.cidb.gov.my](http://ebantuan.cidb.gov.my)

#####